

# Swasta digesa derma keuntungan bantu pendidikan kanak-kanak

UM 30 MAY 2002

KUALA LUMPUR 29 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa sektor swasta supaya menderma sebahagian daripada keuntungan yang diperoleh kepada golongan kurang bernasib baik khususnya kanak-kanak.

Perdana Menteri berkata, sumbangan derma kepada kanak-kanak dalam bentuk biasiswa dan elaun pelajaran akan membolehkan mereka belajar dengan sempurna.

“Kanak-kanak yang berjaya dalam pelajaran apabila dewasa boleh mendapat pekerjaan baik sekali gus membebaskan mereka daripada cengkaman kemiskinan,” katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Amal Yayasan SP Setia 2002 yang dihadiri oleh 1,500 usahawan dan kakitangan sektor swasta di sini, malam ini.

Turut hadir ialah Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu; Pemegang Amanah Yayasan SP Setia, Datuk Lee Lam Thye dan Pengerusi SP Setia Berhad, Datuk Abdul Rashid Abdul Manaff.

Beliau berkata, keupayaan se-

sebuah syarikat untuk mengembangkan operasi dan mengaut keuntungan berpunca daripada sumbangan orang ramai yang membeli barangan atau menggunakan perkhidmatannya.

“Syarikat tidak boleh lupa perkara ini kerana tanpa masyarakat ia tidak boleh berniaga, oleh itu hendaklah mengembalikan sebahagian daripada keuntungan kepada golongan kurang bernasib baik,” ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan gembira kerana budaya suka menderma berkembang subur di kalangan masyarakat dan ini terbukti apabila banyak program bercorak kebajikan dianjurkan di seluruh negara setiap tahun.

“Budaya ini wajar dipupuk kerana masih terdapat sebahagian kecil rakyat negara ini yang tidak mampu menyara hidup mereka walaupun kos sara hidup di Malaysia kini antara yang terendah di kalangan negara sedang membangun,” jelasnya.

Beliau berkata, keunikan program bercorak kebajikan di Malay-

sia ialah kehadiran pemimpin kerajaan termasuk Perdana Menteri boleh menjadi faktor penentu jumlah sumbangan yang akan didermakan.

“Saya sendiri pernah dipaksa oleh pihak penganjur supaya menyanyi dengan alasan ia akan menarik minat lebih ramai orang untuk menderma,” ujarnya.

Majlis makan malam itu mengutip derma RM3.93 juta hasil penjualan meja yang berharga antara RM15,000 dan RM25,000 setiap satu.

Penderma terbesar Kumpulan Advancecon RM230,000 dan Salam Kurnia Sdn. Bhd., sebanyak RM120,000.

Sebanyak RM300,000 daripada hasil kutipan didermakan kepada Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) dan RM100,000 kepada Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIED).